



## SIARAN AKHBAR

---

### LAWATAN PERTAMA

**SESI LAWATAN  
YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
KE TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN DAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DI DAERAH BELAIT**

**Bandar Seri Begawan. Rabu, 20 Januari 2021M** - Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ini telah membuat lawatan ke beberapa lokasi tapak-tapak perusahaan pertanian dan perhutanan di Daerah Belait. Lawatan ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi mengongsikan dan seterusnya memberikan kefahaman serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian dan perhutanan di Negara Brunei Darussalam. Program lawatan kerja ini juga diaturkan bagi memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh para pengusaha dalam meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran perusahaan masing-masing; penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (joint-venture) dengan pengusaha-pengusaha asing; dan juga peluang-peluang pekerjaan yang disediakan kepada anak-anak tempatan.

Seramai 16 orang rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai program lawatan ini, yang mana disertai sama oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut serta semasa lawatan tersebut juga ialah Yang Mulia Awang Mohd Yusree bin Hj Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pemangku Pengarah Perhutanan serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Kawasan pertama yang dilawati oleh rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah kawasan penanaman padi di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lot Sengkuang. Dalam siri lawatan ke tapak ini, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara berkesempatan untuk meninjau perkembangan pelaksanaan projek penerokaan air bawah tanah di kawasan tersebut.

Kerja-kerja penerokaan air bawah tanah yang dilaksanakan oleh Preston Geochem (B) Sdn. Bhd. telah bermula pada 2 Jun 2020 yang lalu dan siap sepenuhnya pada 14 September 2020. Telaga air bawah tanah sedalam 80 meter tersebut telah mula beroperasi pada 17 Oktober 2020 untuk menampung keperluan pengairan bagi peladang di KKP Lot Sengkuang.

Projek penerokaan air bawah tanah ini adalah bertujuan bagi penyediaan ladang-ladang



padi yang pada masa ini belum mempunyai sumber air serta sistem pengairan. Dengan adanya sumber air alternatif ini, ianya akan membolehkan peladang-peladang menanam varieti padi berhasil tinggi seperti padi hibrid yang membolehkan para peladang meningkatkan dan menambah keluaran hasil padi dari ladang masing-masing.

Aktiviti penanaman padi di KKP Lot Sengkuang ini diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim Labi. Secara keseluruhannya, KKP Lot Sengkuang mempunyai keluasan seluas lebih kurang 300 hektar, di mana 45 hektar telah pun diwartakan sebagai Kawasan Kemajuan Pertanian dan selebihnya pada masa ini sedang dalam proses untuk diwartakan. Jenis padi yang ditanam di kawasan KKP Lot Sengkuang ini adalah padi varieti tradisional iaitu Pusu, Bario dan Adan, dan juga dua varieti padi moden iaitu BDR5 dan MRQ76. Pada masa ini seramai 45 orang peladang sedang giat mengusahakan aktiviti penanaman padi di kawasan tersebut. Keluaran hasil padi di kawasan KKP Lot Sengkuang masih lagi di tahap yang rendah kerana masalah pengairan dimana pada musim penanaman utama bagi tahun 2019/2020, hanya mampu menghasilkan padi sebanyak lebih kurang 55 metrik tan padi.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat ke kawasan ladang penanaman kopi dan buah-buahan yang diusahakan oleh Syarikat Pertanian Tropikal Utama yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Rampayoh. Syarikat ini diurus oleh Awg Yong Khian Fook di atas tanah seluas 19 hektar. Pada tahun 2020, hasil keluaran dari tanaman kopi dan buah-buahan secara keseluruhannya, telah berjaya mengeluarkan hasil sebanyak lebih kurang 3,700 kg bernilai \$19.5 ribu. Pada masa ini, pihak Syarikat Pertanian Tropikal Utama memiliki seramai 6 orang pekerja ladang, dimana seorang daripadanya adalah anak tempatan.

Seterusnya rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara membuat lawatan ke kawasan ladang yang diusahakan oleh Syarikat Fook Chun Farm yang juga terletak di KKP Rampayoh. Syarikat ini diurus oleh Dyg Lee Chai Luan di atas tanah seluas 2 hektar, dan telah mula mengusahakan tanaman limau kasturi dan limau manis sebagai tanaman utama selain sayur-sayuran dan pelbagai tanaman sebagai tanaman sampingan pada tahun 2017. Secara keseluruhannya hasil keluaran ladang pada tahun 2020, adalah sebanyak lebih kurang 28,000 kg bernilai \$107.2 ribu, iaitu meningkat dari jumlah keluaran pada tahun 2019 yang hanya mencatatkan keluaran sebanyak 22,400 kg bernilai \$77.9 ribu. Pada masa ini, pihak Syarikat memiliki seramai 5 orang pekerja ladang, dan 2 orang daripadanya adalah anak tempatan.

Dari Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Rampayoh, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara meneruskan lawatan ke Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Merangking. Di KKP Merangking, rombongan melawat ke Syarikat AE Asia Fruit Plantations yang dimiliki oleh Awg Chai Yum Fatt, bagi meninjau perkembangan aktiviti-aktiviti perusahaan tanaman buah-buahan bermusim dan tidak bermusim serta pelbagai tanaman yang diusahakan oleh Syarikat berkenaan. Pada awalnya, syarikat ini telah ditawarkan tapak seluas 20 ha di Lot A di bawah projek rintis pada tahun 2017 dan seterusnya ditawarkan tapak tambahan seluas 20 ha lagi di Lot B1 setelah pihak syarikat menunjukkan kemajuan yang progresif dalam mengusahakan tapak yang telah ditawarkan awal. Ini menjadikan keseluruhan kawasan berjumlah 40 ha. Setakat



ini pihak syarikat telah berjaya menanam beberapa jenis buah bermusim seperti 793 pohon durian, 494 pohon nangka, 176 pohon rambutan, 79 pohon tarap, dan sebagainya, dan juga beberapa jenis tanaman buah tidak bermusim antaranya seperti 2,390 pohon kepayas, 1,088 pohon limau kasturi, 739 pohon limau madu, 350 pohon pisang, 331 tanaman nenas dan lain-lain.

Pada tahun 2020, hasil keluaran ladang syarikat AE Asia Fruit Plantations secara keseluruhannya telah berjaya mengeluarkan hasil sebanyak lebih kurang 16,500 kg bernilai \$25.7 ribu. Pada masa ini, pihak Syarikat memiliki seramai 11 orang pekerja ladang, dimana seorang daripadanya adalah anak tempatan.

Semasa berada di AE Asia Fruit Plantations, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga menerima taklimat daripada pemilik-pemilik ladang yang juga terletak di KKP Merangking, iaitu Syarikat Golden Chick Hatchery & Breeding Farm dan Syarikat WYWY Farm.

Penerangan dari Syarikat Golden Chick Hatchery & Breeding Farm telah disampaikan oleh Awg Philip Ong, Penolong Pengurus Ladang syarikat tersebut. Tapak perusahaan Syarikat Golden Chick Hatchery & Breeding Farm, yang dimiliki bersama oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Metasim, Awang Ong Chek Teng, Awang Ong Chek Thiam dan Awang Ang Kin Hoo terletak di atas tapak Lot C1, KKP Merangking yang berkeluasan 20 hektar, dan digunakan bagi membangun 12 buah reban (reban tertutup) bagi perusahaan ternakan ayam pembiak dan penetasan anak ayam. Pada masa ini, kerja-kerja pembangunan reban masih lagi dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2021. Melalui pelaksanaan projek ini, ianya diharap akan sedikit sebanyak dapat mengurangkan pergantungan pengusaha-pengusaha ternakan ayam tempatan kepada bekalan anak ayam (*day-old-chick*) dari luar negara.

Manakala penerangan dari WYWY Farm telah disampaikan oleh Awg Jason Thien dan juga Dyg Emmeline Thien, kedua-duanya Pengarah dari syarikat berkenaan. Syarikat WYWY Farm, milik Dyg Liew Tai Khiun, menjalankan aktiviti perusahaan penanaman durian dan kelapa. Pada awalnya, syarikat ini telah ditawarkan tapak seluas 20 ha di Lot G1 di bawah projek rintis pada Ogos 2019 dan seterusnya ditawarkan tapak tambahan seluas 20 ha setelah pihak syarikat menunjukkan kemajuan yang progresif dalam mengusahakan tapak yang telah ditawarkan awal. Ini menjadikan keseluruhan kawasan berjumlah 40 ha. Di samping durian dan kelapa, pihak Syarikat juga menanam beberapa jenis sayur-sayuran dan pelbagai tanaman, sebagai tanaman sampingan. Setakat ini pihak syarikat telah berjaya menanam sebanyak 1,800 pohon durian dan 1,100 pohon kelapa di samping tanaman lain, antaranya seperti 10 pohon nangka, 511 pohon limau kasturi, 20,000 tanaman nenas, 10 pohon rambutan, 200 pohon pisang, 300 pohon kepayas dan lain-lain. Pada masa ini, pihak Syarikat memiliki seramai 15 orang pekerja ladang, dimana 3 orang daripadanya adalah anak tempatan.

Lawatan seterusnya adalah ke tapak projek bagi penanaman padi secara komersial di kawasan Kandol. Pelaksanaan projek pembukaan kawasan kandol bagi penanaman padi secara komersial berkeluasan 500 hektar ini dibahagikan kepada dua fasa iaitu Fasa 1 berkeluasan 20 hektar, dan Fasa 2 berkeluasan 480 hektar. Kerja-kerja pembukaan kawasan bagi Fasa 1 telah



bermula pada pertengahan tahun 2019 dan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2020. Kerja-kerja pembukaan kawasan Fasa 2 pula masih dalam peringkat sokongan tawaran dan akan dimulakan pada tahun 2021. Pengendalian penanaman padi bagi kawasan ini dikendalikan secara komersial oleh PaddyCo Sdn Bhd, iaitu sebuah anak syarikat di bawah Darussalam Assets Sdn Bhd. Setakat ini, PaddyCo telah mengusahakan selama dua musim dan pada masa ini ianya adalah dalam pertengahan musim penanaman yang ketiga dengan keluasan terkini seluas 28.23 hektar. Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol ini disasarkan akan menyumbang 6,000 ke 8,000 tan metrik padi iaitu tambahan kepada 11-15% keperluan beras negara.

Lawatan terakhir di Daerah Belait adalah lawatan ke syarikat TS Wood Sdn Bhd yang terletak di KM 14/15 Jalan Labi, Sungai Mau. Syarikat ini bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti perusahaan hiliran perkayuan di atas tapak seluas 4.59 hektar. Semasa lawatan ke syarikat ini, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara berkesempatan dibawa meninjau aktiviti pemprosesan produk-produk hiliran perkayuan yang dihasilkan oleh pihak Syarikat seperti pintu, jendela, bingkai pintu, komponen perabot, panel kayu dan kayu kumai (moulding). Nilai keluaran dari aktiviti-aktiviti perusahaan hiliran perkayuan bagi tahun 2020 adalah lebih kurang sebanyak \$3.7 juta. Produk-produk hiliran yang dihasilkan oleh Syarikat ini sebahagiannya dieksport keluar negara seperti Malaysia dan Republik Korea dimana pada tahun 2020, nilai eksport produk hiliran perkayuan adalah \$1.9 juta. Pada masa ini, pihak Syarikat memiliki seramai 73 orang tenaga pekerja, dimana 8 orang daripadanya adalah anak tempatan yang bekerja di bahagian pengurusan.

Program lawatan bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan diteruskan lagi dengan siri lawatan kedua iaitu lawatan ke Tapak-Tapak Perusahaan Pertanian dan Perikanan di Daerah Tutong yang akan diadakan pada hari Isnin, 25 Januari 2021.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Bahagian Pengurusan dan Kewangan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 20 Januari 2021